

PANDUAN PENGGUNAAN AEROSOL BAGI MENGAWAL NYAMUK *AEDES*



Semburan aerosol adalah satu kaedah semburan racun serangga bagi membunuh nyamuk *Aedes* dewasa.



Cara penggunaan aerosol :

- Sila patuhi arahan penggunaan pada label botol aerosol untuk keselamatan anda.
- Tutup semua pintu dan tingkap.
- Jalankan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk *Aedes* di rumah anda **TERUTAMA** pada awal pagi dan lewat petang.
- Sembur aerosol di serata bilik selama 5 – 10 saat.
- Sembur secara terus di tempat nyamuk berehat, kebiasaannya tempat yang gelap dan terlindung seperti bawah meja, belakang almari, bawah katil dan stor barang/peralatan.
- Tinggalkan bilik selepas menyembur dan biarkan tertutup sekurang-kurangnya 10 minit sebelum masuk semula.

Penggunaan aerosol hanya membunuh nyamuk *Aedes* dewasa tetapi tidak membunuh jentik-jentik *Aedes*. Langkah paling berkesan menghapuskan nyamuk *Aedes* adalah dengan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

AWAS !
SATU GIGITAN NYAMUK
AEDES
BOLEH MEMBAWA MAUT

